

Autonomi universiti diperketat

Oleh NAN HIDAYAT NAN AZMIE

nanhidayat.nanazmie@kosmo.com.my

JOHOR BAHRU – Kementerian Pengajian Tinggi akan lebih berhati-hati mempertimbangkan tuntutan autonomi pihak universiti ekoran kesilapan Universiti Sains Malaysia (USM) mengumumkan senarai akhir kemasukan pelajar bagi sesi 2009/2010 baru-baru ini.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, sebarang tuntutan selepas ini akan diperhalusi sebelum kuasa autonomi diperluaskan kepada universiti-universiti penyelidikan lain.

“Insiden itu mungkin akan melambatkan atau membuatkan kementerian lebih berhati-hati menerima tuntutan autonomi dalam pelbagai bidang oleh pihak universiti lain pada masa akan datang,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Program Gerak Kemas anjuran Majlis Perbandaran Pasir Gudang Zon Scientex di Taman Scientex, Pasir Gudang di sini semalam.

Beliau mengulas kesilapan USM menyenaraikan nama semua pelajar yang layak iaitu kira-kira 8,173 calon, sedangkan jumlah pengambilan sebenar adalah 3,599 orang sahaja bagi kemasukan pe-

lajar sesi 2009/2010.

Kesilapan itu menyebabkan nama calon yang tidak ditawarkan juga terpapar dalam laman sesawang USM sehingga mengelirukan pemohon dan ibu bapa.

Mengulas lanjut, Mohamed Khaled berkata, sebuah jawatankuasa khas sedang mengenal pasti punca kesilapan teknikal itu dan laporan lengkap dijangka siap dalam minggu ini.

Menurutnya, pemilihan pelajar sebelum ini dibuat oleh Unit Pusat Universiti (UPU), namun USM dipilih universiti pertama memperoleh autonomi tersebut sebagai percubaan berdasarkan status universiti penyelidikan.



MOHAMED KHALED (kanan) memberi semangat kepada peserta pertandingan tarik tali pada Program Gerak Kemas di Pasir Gudang, Johor Bahru semalam.